


SEKSYEN I : BAHAGIAN E

Ringkasan Projek

1.0 Ringkasan Projek

CADANGAN MEMBINA JALAN SAMBUNG DARI PERSIARAN LESTARI PERDANA 5 MELALUI PERSIARAN ARIF DI TAMAN DESAMINIUM SEHINGGA KE PERSIARAN LESTARI PUTRA, BANDAR PUTRA PERMAI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

- a. Pembinaan jalan sambung ini adalah jalan atau jajaran utama aliran lalulintas yang dianggarkan 1.5km untuk menghubungkan taman-taman perumahan yang bersebelahan dan berdekatan seperti Taman Kota Perdana (KP), Taman Lestari Putra (LEP), Taman Lestari Puchong (LP) dan Taman Desaminium.
- b. Cadangan pembinaan jalan sambung ini boleh mengurangkan beban atau kapasiti jumlah kenderaan di jalan-jalan utama yang berhampiran terutamanya di Persiaran Kota Perdana dan Pesiaran Lestari Perdana iaitu jalan utama milik Majlis.
- c. Memberi pilihan kepada pengguna jalanraya terutamanya penduduk di Taman Kota Perdana dan Taman Lestari Putra untuk menggunakan jalan sambung ini daripada menggunakan Jalan Putra Permai (milik Jabatan Kerja Raya) dan seterusnya dapat mengurangkan beban dan kapasiti jumlah kenderaan di Jalan Putra Permai.
- d. Menjimatkan masa perjalanan bagi pengguna jalanraya yang hendak menuju ke Puncak Jalil (PUJ) dan Bandar Kinrara (BK).



- e. Cadangan pembinaan jalan yang menghubungkan Persiaran Lestari Putra dan Persiaran Lestari Perdana, dianggarkan 1.5 KM. Cadangan jajaran memberi manfaat kepada taman-taman perumahan sekitar seperti Taman Kota Perdana (KP), Taman Lestari Putra (LEP), Taman Lestari Puchong (LP) dan Taman Desaminium.

2.0 Skop Kerja

Skop kerja meliputi pelbagai peringkat seperti penyiasatan tapak, pengumpulan data, mengenalpasti isu-isu, perancangan, penyediaan rekabentuk, anggaran kos dan penyediaan dokumen penjualan tender serta laporan-laporan lain yang berkaitan ;

- i) Bidang Perkhidmatan perunding yang diperlukan adalah;
 - a. Perunding Kejuruteraan Awam dan Struktur (C&S)
 - b. Perunding Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal (M&E)
 - c. Perunding Ukur Bahan
 - d. Perunding Ukur Tanah
- ii) Peranan dan tanggungjawab setiap ahli pasukan;
 - a. **Perunding Kejuruteraan Awam dan Struktur (C&S)** yang akan

bertanggungjawab bagi pengurusan kerja dan rekabentuk secara langsung bagi projek ini. Pengurus projek perlulah mempunyai sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman dan bidang projek. Bertanggungjawab dalam merekabentuk dan menyelia kerja-kerja yang berkaitan struktur bangunan.

- b. **Perunding Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal (M&E)** bertanggungjawab bagi semua kerja-kerja rekabentuk untuk semua komponen elektrikal seperti lampu jalan dan feeder pillar dan lain-lain komponen,.
- c. **Perunding Ukur Bahan** bertanggungjawab bagi penyediaan dokumen kuantiti dan kos, dokumen tender dan kontrak, semakan dan pengesahan kemajuan kerja dan bayaran.
- d. **Perunding Ukur Tanah** bertanggungjawab mengukur, memeta, dan menentukan sempadan serta aras bumi yang tepat bagi memastikan struktur dibina secara sah dan selamat.

3.0 Senarai Keperluan Teknikal

- 1. Kerja Ukur
- 2. Rekabentuk
- 3. Pavement Structure & Pavement Evaluation
- 4. Rawatan Geoteknikal
- 5. Mekanikal dan Elektrikal
- 6. Road Safety Audit (RSA)

4.0 Skop Kerja

- i. Mengekalkan platform jalan premix sedia ada di hadapan sekolah.
- ii. Menggunakan semula lapisan crusher run sedia ada di antara sekolah dan cadangan bulatan (*roundabout*).
- iii. Melaksanakan pembinaan tembok penahan serta kerja resurfacing jalan di Kawasan terlibat.
- iv. Menaiktaraf sistem perparitan (longkang) sedia ada.
- v. Menaiktaraf simpang tiga sedia ada bagi meningkatkan keselamatan dan aliran trafik.
- vi. Melaksanakan *site clearing* di kawasan belukar.
- vii. Menaiktaraf sistem perparitan (longkang) sedia ada.
- viii. Menaiktaraf persimpangan lampu isyarat sedia ada mengikut piawaian semasa.
- ix. Kawasan cadangan melibatkan kawasan belukar yang memerlukan kerja-kerja pembersihan tapak.
- x. Cadangan pembinaan bulatan (*roundabout*) bagi meningkatkan aliran dan

keselamatan trafik.

- xi. Terdapat kerja-kerja pemotongan tanah (cut) di kedua-dua belah lot.
- xii. Keadaan tanah lot adalah normal, namun kawasan bersebelahan tapak pelupusan (landfill) memerlukan rawatan geoteknikal
- xiii. Cadangan penggunaan concrete sheet pile sebagai tembok penahan di kawasan berkaitan atau lain-lain keperluan.
- xiv. Cadangan sistem Elevated Pile Slab (EPS) hanya bagi jajaran jalan yang melalui kawasan landfill atau lain-lain keperluan.
- xv. Jalan sedia ada sepanjang ± 150 m dari Persimpangan Lestari telah siap dengan lapisan crusher run, serta pembinaan longkang, kerb dan median.
- xvi. Bagi jajaran 150 m hingga 300 m, platform jalan telah dibina sebahagian.
- xvii. Cadangan pembinaan Reinforced Earth (RE) Wall di kawasan jalan yang bersebelahan tapak pelupusan (landfill) atau lain-lain keperluan.
- xviii. Cadangan menaik taraf simpang tiga sedia ada bagi meningkatkan keselamatan dan kapasiti trafik
- xix. Cadangan perobohan struktur sedia ada serta penyingkiran pokok yang ditanam tanpa kebenaran oleh penduduk setempat.

5.0 Kos Siling Projek ;

RM 29,850,000.00